



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekolah Pendidikan Profesional dan
Pendidikan Berterusan
(UTMSPACE)

**FINAL EXAMINATION / PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER 2 – SESSION 2017/2018
PROGRAM KERJASAMA**

COURSE CODE : DDWG 2533 / DDPW 2133
KOD KURSUS

COURSE NAME : INTRODUCTION TO FINANCE / PENGENALAN KEWANGAN
NAMA KURSUS

YEAR / PROGRAMME : 2DDWG / 2DDPW / 2DDPG
TAHUN / PROGRAM

DURATION : 2 HOURS 30 MINUTES / 2 JAM 30 MINIT
TEMPOH

DATE : APRIL 2018
TARIKH

INSTRUCTION : Answer all questions in the answer booklet provided.
ARAHAN [Jawab semua soalan di dalam buku jawapan yang disediakan.]

(You are required to write your name and your college's name on your answer script)
(Pelajar dikehendaki tuliskan nama dan nama kolej pada skrip jawapan)

NAME / NAMA PELAJAR	:
I.C NO. / NO. K/PENGENALAN	:
YEAR / COURSE TAHUN / KURSUS	:
COLLEGE NAME NAMA KOLEJ	:
LECTURER'S NAME NAMA PENSYARAH	:

This examination paper consists of 7 pages including the cover
Kertas soalan ini mengandungi 7 muka surat termasuk kulit hadapan



PUSAT PROGRAM KERJASAMA

**PETIKAN DARIPADA PERATURAN AKADEMIK
ARAHAN AM - PENYELEWENGAN AKADEMIK**

1. SALAH LAKU SEMASA PEPERIKSAAN

1.1 Pelajar tidak boleh melakukan mana-mana salah laku peperiksaan seperti berikut :-

- 1.1.1 memberi dan/atau menerima dan/atau memiliki sebarang maklumat dalam bentuk elektronik, bercetak atau apa jua bentuk lain yang tidak dibenarkan semasa berlangsungnya peperiksaan sama ada di dalam atau di luar Dewan Peperiksaan melainkan dengan kebenaran Ketua Pengawas; atau
- 1.1.2 menggunakan makluman yang diperolehi seperti di atas bagi tujuan menjawab soalan peperiksaan; atau
- 1.1.3 menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu semasa berlangsungnya peperiksaan; atau
- 1.1.4 lain-lain salah laku yang ditetapkan oleh Universiti (seperti membuat bising, mengganggu pelajar lain, mengganggu Pengawas menjalankan tugasnya).

2. HUKUMAN SALAH LAKU PEPERIKSAAN

2.1 Sekiranya pelajar didapati telah melakukan pelanggaran mana-mana peraturan peperiksaan ini, setelah diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Fakulti dan disabitkan kesalahannya, Senat boleh mengambil tindakan dari mana-mana satu yang berikut :-

- 2.1.1 memberi markah SIFAR (0) bagi keseluruhan keputusan peperiksaan kursus yang berkenaan (termasuk kerja kursus); atau
- 2.1.2 memberi markah SIFAR (0) bagi semua kursus yang didaftarkan pada semester tersebut.

2.2 Jawatankuasa Akademik Fakulti boleh mencadangkan untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999 bergantung kepada tahap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar.

2.3 Pelajar yang didapati melakukan kesalahan kali kedua akan diambil tindakan seperti di perkara 2.1.2 dan dicadangkan untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999.

Answer ALL questions.

(TOTAL 100 marks)

[Jawab SEMUA soalan.]

[JUMLAH 100 markah]

Q1. Conflicts within an agencies or organizations can affecting the organization's efficiency and reduce agency productivity. In addition, it can make it an uncomfortable workplace and can lead to lower efficiency.

[Konflik dalam sesebuah agensi atau organisasi boleh menjejaskan kecekapan organisasi dan mengurangkan produktiviti agensi. Sebagai tambahan, ia boleh menjadikan tempat kerja yang tidak selesa dan boleh membawa kepada kecekapan yang lebih rendah.]

a. Explain what is meant by agency problem.

[Jelaskan apakah yang dimaksudkan dengan masalah agensi.]

(2m)

b. Give TWO ways to solve the agency problem.

[Berikan DUA cara untuk menyelesaikan masalah agensi.]

(4m)

Q2. You have found the following three investment choices for a one-year deposit:-

[Anda telah menemui tiga pilihan pelaburan untuk deposit satu tahun seperti berikut:-]

Investment A: 12% compounded monthly *[Pelaburan A: 12% dikompaunkan bulanan]*

Investment B: 12% compounded quarterly *[Pelaburan B: 12% dikompaunkan suku tahunan]*

Investment C: 12% compounded semiannually *[Pelaburan C: 12% dikompaunkan semi tahunan]*

a. Compute the Effective Annual Rate (EAR) for each investment choice. Which investment offers the greatest return?

[Kirakan Kadar Tahunan Efektif (EAR) bagi setiap pilihan pelaburan. Pelaburan manakah menawarkan pulangan tertinggi?]

(4m)

b. Define Default Risk Premium and Maturity Risk Premium.

[Takrifkan Premium Risiko Mungkir dan Premium Risiko Matang.]

(3m)

Q3. a. Assume that it is now 1 January 2018 and you will need RM4,000 on 1 January 2022. Your bank compounds interest at a 10% annual rate. How much must you deposit today to have a balance of RM4000 on 1 January 2022?

[Andaikan sekarang adalah 1 Januari 2018 dan anda memerlukan RM4,000 pada 1 Januari 2022. Bank mengkompaun faedah pada 10% setahun. Berapakah yang mesti didepositkan pada hari ini supaya anda mempunyai baki RM4,000 pada 1 Januari 2022?]

(3m)

- b. You are thinking of purchasing a house. The house costs RM350,000. You have RM50,000 in cash that you can use as a down payment on the house, but you need to borrow the rest of the purchase price. The bank is offering a 30-year mortgage that requires annual payments and has an interest rate of 7% annually. What will your annual payment be if you sign up for this mortgage?

[Anda bercadang untuk membeli sebuah rumah. Kos rumah tersebut adalah RM350,000. Anda mempunyai wang tunai RM50,000 yang boleh anda gunakan sebagai bayaran pendahuluan, dan anda perlu meminjam baki harga belian rumah tersebut. Bank menawarkan gadai janji 30 tahun yang memerlukan pembayaran tahunan dan mempunyai kadar faedah 7% setiap tahun. Apakah bayaran tahunan anda jika anda menandatangani gadai janji ini?] **(4m)**

- Q4.** Khayla owns a portfolio consisting of the stocks below. The risk-free rate is 7% and the expected return on the market portfolio is 16%.

[Khayla mempunyai portfolio yang mengandungi saham-saham di bawah. Kadar tanpa risiko ialah 7% dan pulangan dijangka ke atas portfolio pasaran ialah 16%.]

Stock (Saham)	Percentage of Portfolio (Peratusan Portfolio)	Beta (Beta)	Expected Return (Pulangan Dijangka)
1	35%	1.00	16%
2	20%	0.75	14%
3	25%	1.50	22%

- a. Calculate the portfolio beta. Would her portfolio be considered more or less risky than the market?

[Kirakan portfolio beta. Adakah portfolio beliau akan dikira lebih berisiko atau kurang risiko daripada pasaran?] **(2m)**

- b. Prepare and plot the Security Market Line (SML). Plot the stocks from her portfolio on your graph. Briefly interpret these findings.

[Sediakan dan plot Garis Pasaran Sekuriti (SML). Tandakan kedudukan saham-saham daripada portfolio beliau pada graf anda. Secara ringkas jelaskan hasil maklumat carian tersebut.] **(8m)**

- Q5.** KTU Corporation is contemplating a new investment asking you as their financial consultant to help them determine the associate cost of capital for the following sources of financing:-

[Syarikat KTU sedang mempertimbangkan pelaburan baru dan meminta anda selaku perunding kewangan syarikat untuk membantu mereka menentukan kos modal yang berkaitan untuk beberapa sumber kewangan seperti berikut:-]

- a. A bond that has a RM1,000 par value and a contract or coupon interest rate of 9%. A new issue would have a floatation cost of 9% of the RM1145 market value. The bond matures in 12 years and the company is in a 30% tax bracket. What is the firm's after tax cost of debt on the bond?
[Bon yang mempunyai nilai tara RM1,000 dan kontrak atau kadar kupon sebanyak 9%. Terbitan baru akan mempunyai kos apungan pada 9% daripada nilai pasaran. Bon matang dalam tempoh 12 tahun dan syarikat dalam julat cukai 30%. Berapakah kos modal selepas cukai bon kepada syarikat?] **(5m)**
- b. A new common stock issue that paid a RM1.80 dividend last year. The par value of the stock is RM15, and earnings per share have grown at a rate of 7% per year. This growth rate is expected to continue into foreseeable future. The price of this stock is now RM27.50, but 5% floatation costs are anticipated. What is the cost of capital for the common stock?
[Terbitan saham biasa baru telah membayar dividen RM1.80 tahun lepas. Nilai tara saham ialah RM15, dan pendapatan sesaham telah meningkat pada kadar 7% setahun. Kadar pertumbuhan ini dijangka berterusan ke masa hadapan. Harga saham ini kini RM27.50, tetapi kos apungan dijangkakan ialah 5%. Berapakah kos modal untuk saham biasa?] **(6m)**
- c. A preferred stock paying a 9% dividend on a RM150 par value. If a new issue is offered, floatation costs will be 12% of the current price of RM175. What is the cost of capital for the preferred stock to the company?
[Saham keutamaan membayar 9% dividen pada RM150 nilai tara. Sekiranya saham baru diterbitkan, kos apungan akan menjadi 12% daripada harga semasa iaitu sebanyak RM175. Berapakah kos modal kepada syarikat untuk saham keutamaan?] **(3m)**
- d. Based on the above results, compute the company's weighted average cost of capital (WACC) if the company plans to maintain its capital structure of 40% debt, 50% common stock and 10% preferred stock.
[Berdasarkan keputusan di atas, hitungkan kos modal purata wajaran syarikat (KMPW/WACC) jika syarikat merancang untuk mengekalkan struktur modal iaitu 40% hutang, 50% saham biasa dan 10% saham keutamaan]. **(4m)**
- e. The rate of return on the new project is expected to be at 12%. Given your answer in part (d) above, should project be accepted?.. Why?
[Kadar pulangan untuk projek baru adalah dijangka pada 12%. Berdasarkan jawapan anda di bahagian (d) di atas, adakah projek tersebut perlu diterima? Mengapa?] **(2m)**

Q6. The iPon Technology is considering two digital research projects. The required rate of return on these projects is 18%. The two projects provide the following set of after-tax net cash flows:

[iPon Technology sedang mempertimbangkan dua jenis projek penyelidikan digital. Kadar pulangan yang diperlukan untuk projek-projek tersebut ialah 18%. Kedua-dua projek tersebut memberikan aliran tunai selepas cukai seperti berikut:]

	<u>PROJECT X</u>	<u>PROJECT Y</u>
	<u>[PROJEK X]</u>	<u>[PROJEK Y]</u>
Initial Outlay <i>[Pelaburan Awal]</i>	-RM250,000	-RM400,000
Inflow year 1 <i>[Aliran masuk tahun 1]</i>	130,000	135,000
Inflow year 2 <i>[Aliran masuk tahun 2]</i>	40,000	135,000
Inflow year 3 <i>[Aliran masuk tahun 3]</i>	50,000	135,000
Inflow year 4 <i>[Aliran masuk tahun 4]</i>	90,000	135,000
Inflow year 5 <i>[Aliran masuk tahun 5]</i>	130,000	135,000

Required: [Dikehendaki:]

- a. Determine the payback period for each project. If the institute imposes a 3.5 year maximum acceptable payback period, which of these projects should be accepted?
[Tentukan tempoh bayaran balik untuk setiap projek. Jika institut mengenakan 3.5 tahun sebagai tempoh maksima bayaran balik yang boleh diterima, projek manakah yang patut dipilih?] (3m)
- b. Calculate the Net Present Value (NPV) and Profitability Index (PI) for each project.
[Kirakan Nilai Kini Bersih (NPV) dan Indeks Keberuntungan (PI) untuk setiap projek.] (10m)
- c. The Internal Rate of Return (IRR) for project X is 22%. Calculate the IRR for project Y.
[Kadar Pulangan Dalaman (IRR) untuk Projek X adalah 22%. Kirakan 'IRR' untuk projek Y.] (2m)
- d. Based on the IRR given and your answers in part (b) and (c) above, explain briefly which project should be accepted;
[Berdasarkan 'IRR' yang diberi dan jawapan anda dalam bahagian (b) dan (c) di atas, terangkan secara ringkas projek manakah yang patut diterima;]
- (i) if they are independent? *[jika mereka saling tidak bergantung?]*
- (ii) if they are mutually exclusive? *[jika mereka saling eksklusif?]* **(6m)**
- e. How does a change in the required rate of return affect the project's NPV and PI?
[Bagaimanakah perubahan dalam kadar pulangan yang diperlukan memberi kesan terhadap 'NPV' dan 'PI' sesuatu projek?] (4m)

Q7. The KAYM Corporation is considering purchasing a new machine. The proposed machine has a purchase price of RM300,000, installation costs of RM60,000 and shipping cost of RM40,000. It also requires an additional cost of RM20,000 after taxes for training. The machine will be depreciated over its 10 year life using the simplified straight-line method and has no residual value. The new machine is expected to increase sales by RM300,000 and cost of maintenance by RM200,000 annually over the life of the asset. Due to increase sales, the firm expects an increase in working capital of RM30,000. The firm's marginal tax rate is 25% and its required rate of return is 10%.

[Syarikat KAYM sedang mempertimbangkan pembelian sebuah mesin baru. Mesin tersebut mempunyai harga belian RM300,000, kos pemasangan RM60,000 dan kos penghantaran RM40,000. Pembelian mesin tersebut juga memerlukan kos tambahan RM20,000 selepas cukai untuk sesi latihan. Mesin tersebut mempunyai jangka hayat selama 10 tahun, dan tidak mempunyai nilai sisa. Mesin baharu tersebut dijangkakan dapat meningkatkan jualan sebanyak RM300,000 dan kos penyelenggaraan sebanyak RM200,000 setiap tahun selama tempoh usia aset. Syarikat menjangkakan terdapat peningkatan modal kerja sebanyak RM30,000 disebabkan oleh peningkatan jualan. Kadar margin cukai sebanyak 25%, dan kadar pulangan diperlukan ialah 10%.]

Required: [Dikehendaki:]

- a. What is the initial investment associated with this project?
[Berapakah pelaburan awal bagi projek tersebut?] **(5m)**

- b. What are the annual after-tax cash flows associated with this project for year 1 to 9?
[Berapakah aliran tunai tahunan selepas cukai bagi projek tersebut untuk tahun 1 sehingga 9?] **(5m)**

- c. What is the terminal cash flow in year 10?
[Apakah aliran tunai akhir pada tahun 10?] **(5m)**

- d. What is the project's Net Present Value (NPV)? Should this machine be purchased?
[Apakah Nilai Masa Kini (NPV) projek tersebut? Patutkan mesin ini dibeli?] **(6m)**

- e. Why are we interested only in incremental and relevant cash flows rather than total cash flows?
[Mengapakah kita cuma berminat dalam aliran tunai tambahan dan relevan berbanding jumlah keseluruhan aliran tunai?] **(4m)**

- END OF QUESTIONS [SOALAN TAMAT] -

Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong

[This page is purposely left blank]